

**PENGARUH PERANAN PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID (PK
HEM) DAN PERANAN JAWATAN KUASA DISIPLIN TERHADAP
PEMBENTUKAN DISIPLIN PELAJAR TINGKATAN LIMA DI
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA KINABALU**

SARKAWI B SALIM



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : **PENGARUH PERANAN PENOLONG KANAN HAL EHWAL MURID (PK HEM) DAN PERANAN JAWATAN KUASA DISIPLIN TERHADAP PEMBENTUKAN DISIPLIN PELAJAR TINGKATAN LIMA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA KINABALU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **SARKAWI BIN SALIM**

SESI PENGAJIAN : **2007 / 2009**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM / Sarjana / Doktor Falsafah) ini di simpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis ini adalah milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


☐

TIDAK TERHAD


JULIZA RAMZI
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh


(**SARKAWI BIN SALIM**)
Lot 4, Off Jalan Bersatu Lama,


(**PROF MADYA DR MOHD YUSOF BIN ABDULLAH**)


(**DR SABARIAH MOHD SHARIF**)

Tarikh : **4 JULAI 2009**

Tarikh : _____

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, Sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secar kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap satu daripadanya telah saya jelaskan sumbernya

SARKAWI BIN HJ SALIM
PT2007-8096
5 JUN 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, akhirnya disertasi ini telah dapat disempurnakan. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tidak terhingga kepada Penyelia saya yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar, bimbingan, panduan, motivasi dan teguran Professor Madya Hj Dr Mohd Yusof B Abdullah (Timbalan Dekan Akademik dan HEP)

Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial dalam pengisian syarahan bagi melengkapkan kursus ini, Professor Hj Zulkifli B Mohammad, Professor Dr Vincent Pang, Professor Dr Adam Bakar, Professor Madya Dr Salleh B Abd Rashid, Professor Madya Dr Naimah Bt Yussof, Proffesor Madya Dr Hamzah, Dr Sabariah Mohd Sharif, Dr Zaki, Dr Lay Yoon Fah dan semua pensyarah serta kakitangan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Juga tidak dilupakan rakan seperjuangan yang sama-sama bangun dan rebah dalam menyempurnakan kursus ini Azizah, Emran, Minah, Talib, Chai, George, Roslan, Shah Rizal, Roger, Mohd Nazmi, Mojikon, Rosmayati, Hasanah, Norimah, Yvelin, Zaleha, Norlinah, Suhana, Sim, Nur Mazhani, Mariati. sesungguhnya kesungguhan kita akhirnya dapat membuahkan kejayaan.

Akhir sekali Penghargaan Khusus kepada Isteri saya Rosnazarizah Bt A Rahman kerana doa, sokongan, pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan. Kepada anak-anak saya yang baru mengenal kehidupan Irdina Aisyah, Izz Danish dan Illiyin Syazwina, belajarlah dari dalam buaian sehingga ke liang lahad. Kepada anak-anak saudara saya yang menjadi peneraju generasi seterusnya Nor Farah Syakirah, Umi Amneezatun dan Noradziahtun Nadia Belajarlah daripada segala kesusahan dan kepayahan agar kejayaan pada masa hadapan kelak memberi makna.

Terima kasih

ABSTRAK

Secara umumnya kajian deskriptif ini adalah untuk mengkaji peranan yang dimainkan oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) dan Jawatan Kuasa Pengurusan Disiplin Pelajar dengan pembentukan disiplin di kalangan pelajar tingkatan 5. Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di daerah Kota Kinabalu yang dipilih secara rawak berstrata. Seramai 300 responden di ambil bagi mewakili 3868 keseluruhan populasi pelajar yang terdiri daripada berbagai aliran pendidikan bagi 6 buah sekolah dipilih untuk melaksanakan kajian ini berdasarkan penjawat PK HEM dan Jawatan Kuasa Pengurusan Disiplin pelajar yang telah mantap. Daripada 300 responden dalam kajian ini 176 daripadanya terdiri daripada responden pelajar lelaki dan 124 orang responden pelajar perempuan. Kesemua responden mewakili pelajar yang mengambil elaktif Sains Tulin, Perdagangan dan Keusahawanan, kemanusiaan dan Teknik Vokasional sebagai aliran persekolahan mereka. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini adalah dengan menggunakan set soal selidik yang di bangunkan oleh penyelidik sendiri berdasrkan soalselidik (*School Discipline – Best Practice For Adminstrator*) oleh Lois Rosen (1995). Instrumen kajian yang digunakan dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A – Demografi responden, Bahagian B – pernyataan-pernyataan berhubung PK HEM, JK Disiplin dan Pelajar. Sebanyak 40 item pernyataan mudah yang perlu diberikan oleh responden dengan menggunakan 5 darjah skala likert. Data dapatan kajian dianalisa dengan menggunakan program SPSS Versi 15.0 (Statistical Package For Social Science). Dua ujian digunakan untuk menguji hipotesis yang telah digariskan dalam kajian ini iaitu ujian Korelasi Pearson dan ujian Regresi Pelbagai. Objektif kajian ini secara khususnya untuk melihat hubungan peranan yang dimainkan oleh PK HEM dengan pembentukan disiplin dikalangan pelajar, melihat hubungan peranan yang dimainkan oleh JK pengurusan disiplin pelajar dengan pembentukan disiplin dikalangan pelajar dan melihat pengaruh peranan PK HEM dan JK Disiplin terhadap pembentukan disiplin di kalangan pelajar. Setelah analisis dilakukan hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat di antara peranan yang dimainkan oleh PK HEM dan JK Pengurusan Disiplin dengan pembentukan disiplin dikalangan pelajar dengan masing-masing nilai $r = 0.612$ dan $r = 0.532$. Kedua-dua nilai signifikan menunjukkan $p < 0.001$. Manakala pengaruh Peranan PK HEM dan JK Pengurusan Disiplin ke atas pembentukan disiplin pelajar dibuktikan melalui hasil ujian Regerasi Pelbagai menunjukkan bahawa terdapat pengaruh signifikan yang kuat dengan masing-masing nilai $R.sq = 0.374$ dan $Rsqr = 0.396$. Ketiga-tiga Hipotesis nol dalam kajian ini ditolak.

ABSTRACT

Generally this descriptive research is to find the role of PK HEM and students' discipline board with the discipline developed within form five students. The research was held in government secondary schools in Kota Kinabalu district that has been chosen randomly. There are 300 hundred respondents taken to represent 3868 student population from variety of education streams. Seven schools were chosen to handle the research base on stability of PK HEM and student discipline board. From 300 respondents in this research, 176 from the respondent were males and 124 respondents were females. The respondents represent the pure science elective, human elective, commerce and entrepreneur elective and vocational technique elective as their school stream. Instruments that being used to get the data in this research are questionnaire set built by Lois Rosen 1995 (School Discipline best practice for administrator. Research instrument are divided into two sections: section A – respondent demography and section B – statement connected to PK HEM, Student Discipline Board and students discipline were given 40 items of easy statement using 5 level Likert Scale. The research data were analyzed using the SPSS version 15.0 programmed (Statistical Package for social science). Pearson Correlation test and multiple regression test were used to test the hypothesis. The research objectives were to look at relationship between PK HEM and discipline build among students, look at the role by student discipline board with the discipline build among student and look at PK HEM and Student Discipline Board on discipline build among student. The test result shown strong significant relationship between the PK HEM roles and Student Discipline Board with the discipline build among student with value $r=0.612$ and $r=0.532$. Both significant value shows $p<0.001$. mean while the roles of influences among PK HEM and Students Discipline Board on student discipline proven through multiple regression test shown that have a strong significant relation with value $R.sq=0.374$ and $R.sq=0.396$. All null hypothesis in this research were rejected.

ISIKANDUNGAN

kandungan	Mukasurat
TAJUK	I
PENGESAHAN	II
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	V
ISIKANDUNGAN	VI - VIII
SENARAI JADUAL	IX
SENARAI RAJAH	X
SENARAI LAMPIRAN	XI
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	7
1.7 Signifikan kajian	8
1.8 Limitasi Kajian	9
1.9 Definisi Operasional	10
1.9.1 PK HEM (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid)	11
1.9.2 Jawatan Kuasa Disiplin	12
1.9.3 Disiplin Pelajar	14
1.10 Rumusan	16
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	17

2.2	Teori	17
2.2.1	Teori Tingkahlaku	18
2.2.2	Prinsip-prinsip Am Pembentukan Tingkahlaku Behaviorisme	19
2.2.4	Teori Pelaziman Klasik – Ivan Pavlov (1849-1936)	23
	A. Gerak Balas Terlazim Boleh Di Generalisasikan	25
2.2.5	Teori Pelaziman Klasik (alatan) – Thorndike (1874-1949)	26
2.2.6	Teori Pelaziman Operan - Burrhus Frederic Skinner (1904-1990)	28
	A. Konsep Peneguhan Dalam Perubahan Tingkahlaku	30
2.3	Kajian Lepas	32
2.4	Definisi Konseptual	35
2.4.1	Konsep dan Definisi Disiplin	36
2.5	Kerangka Konseptual	37
2.5.1	Pemboleh ubah Bebas	37
2.5.2	Pemboleh Ubah Bersandar	38
2.6	Kesimpulan	38

BAB 3: KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Populasi dan Pensampelan	41
3.4	Tempat Kajian	42
3.5	Instrumen Kajian	43
3.6	Kesahan Instrumen	46

3.7	Prosedur Kajian	47
3.8	Analisis Data	47
3.9	Rumusan	48

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	49
4.2	Profil Responden	50
4.3	Statistik Perihal Pemboleh Ubah	51
4.4	Pengujian Hipotesis	56
4.4.1	Hipotesis 1	56
4.4.2	Hipotesis 2	57
4.4.3	Hipotesis 3	58
4.5	Kesimpulan	59

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	61
5.2	Ringkasan Hasil Kajian	61
5.3	Perbincangan	62
5.3.1	Hubungan Di Antara Peranan PK HEM dengan Pembentukan Disiplin Di Kalangan Pelajar	62
5.3.2	Hubungan Di Antara Peranan Jawatan Kuasa Pengurusan Disiplin Dengan Pembentukan Disiplin Di Kalangan Pelajar	66
5.3.3	Pengaruh Peranan PK HEM Dan Jawatan Kuasa Pengurusan Disiplin Terhadap Pembentukan Disiplin Di Kalangan Pelajar	69
5.4	Cadangan Untuk Penyelidikan Akan Datang	75
5.5	Penutup	77

RUJUKAN	79
---------	----

Lampiran 'A'	82
Lampiran 'B'	86
Lampiran 'C'	87
Lampiran 'D'	97
Lampiran 'E'	100
Lampiran 'F'	101



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Senarai Jadual

Jadual 3.1 : Taburan Responden

Jadual 3.2 : Pecahan Instrumen Kajian

Jadual 3.3 : Nilai Pekali

Jadual 4.1 : Latar Belakang Demografi Jantina

Jadual 4.2 : Latar Belakang Demografi Aliran

Jadual 4.3 : Nilai Min Pemboleh Ubah

Jadual 4.4 : Min Pemboleh Ubah Item Pembentukan Disiplin Pelajar

Jadual 4.5 : Min Pemboleh Ubah Item Peranan Penolong Kanan HEM

Jadual 4.6 : Min Pemboleh Ubah Item Peranan Jawatan Kuasa Disiplin

Jadual 4.7 : Analisis Korelasi Person Hubungan Peranan PK HEM dengan Pembentukan Disiplin Pelajar

Jadual 4.8 : Analisis Korelasi Person Hubungan Peranan Jawatan Kuasa Pengurusan Disiplin dengan Pembentukan Disiplin Pelajar

Jadual 4.9 : Analisis Rergerasi Pelbagai (Multiple Regression) Pengaruh Peranan PK HEM Dan Peranan Jawatan Kuasa Pengurusan Disiplin Terhadap Pembentukan Disiplin Pelajar (n = 300)

Senarai Rajah

Rajah 2.1 : Kerangka Konseptual



Senarai Lampiran

Lampiran 'A' - Instrumen Kajian

Lampiran 'B' - Data Frekuensi Demografi

Lampiran 'C' - Data Skor Item Soal Selidik

Lampiran 'D' - Data Skor Pemboleh Ubah

Lampiran 'E' - Pengujian Hipotesis

Lampiran 'F' - Ujian Kebolehpercayaan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bidang pengurusan disiplin pelajar merupakan antara bidang yang penting di peringkat pengurusan di sekolah. Selain daripada pengurusan akademik atau kurikulum dan pengurusan Ko kurikulum, pengurusan disiplin pelajar dapat dikategorikan sebagai antara bidang pengurusan utama. Menguruskan disiplin pelajar mempunyai kaitan dengan pengurusan bidang Akademik dan Ko Kurikulum. Bidang pengurusan Disiplin merupakan pengurusan yang berkaitan dengan tingkahlaku, sikap, nilai dan estetika yang ada pada setiap orang pelajar yang berada di sekolah. Tingkahlaku pelajar adalah sesuatu yang nampak dengan jelas dan amat mempengaruhi persekitaran sekolah. Bidang ini lebih menekankan kepada pencapaian kualiti dan tidak dapat dinilai secara kuantiti. Daripada sudut falsafah, (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1992) pembangunan insan secara menyeluruh tidak hanya tertumpu kepada pencapaian intelek pelajar sahaja malah pembangunan potensi pelajar secara menyeluruh termasuk semua aspek jasmani, rohani, sahsiah, intelek dan sosial. Kesemua potensi perkembangan ini diberi penekanan dalam proses pembelajaran murid.

Di peringkat pengurusan pentadbiran di sekolah sebuah Jawatankuasa Pengurusan khas diperuntukkan untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Jawatankuasa Pengurusan inilah yang berperanan ke atas kejayaan dan kegagalan dalam membentuk perkembangan tingkahlaku dan sahsiah pelajar. Walaupun secara umumnya semua guru adalah guru disiplin (KPM 1995), tetapi tidak

semua guru mempunyai tanggungjawab khusus dalam menguruskan disiplin pelajar. Peranan ini hanya dimainkan oleh Guru Disiplin yang boleh membantu guru tersebut dalam menguruskan disiplin pelajar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negara Malaysia mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Terdapat 3 kaum utama yang mendominasi budaya dan kehidupan di Malaysia iaitu kaum Melayu sebagai kaum majoriti, kaum Cina dan kaum India. Ciri kehidupan dan amalan dalam setiap kaum mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Perbezaan sosio budaya di kalangan pelbagai kaum inilah yang menjadikan Malaysia unik dan menarik. Kepercayaan, adat resam dan budaya yang menjadi amalan di kalangan masyarakat pelbagai kaum ini sedikit sebanyak mempengaruhi pembentukan keterampilan dan tingkah laku di kalangan masyarakatnya.

Di negeri Sabah mempunyai senario yang berbeza dengan senario yang terdapat di peringkat Nasional. Komposisi kaum yang terdapat di Sabah tidak sama dengan komposisi kaum yang terdapat di peringkat Nasional. Di negeri Sabah juga terdapat 3 suku kaum yang dominan iaitu; suku kaum Bumiputra Islam, suku kaum Bumiputra bukan Islam dan kaum Cina. Kepercayaan agama, adat resam dan budaya juga berbeza-beza. Perbezaan inilah yang menjadikan masyarakatnya unik dan kompleks. Berdasarkan fakta geografi, demografi penduduk sangat dipengaruhi oleh kegiatan ekonomi di kalangan masyarakat. Majoriti masyarakat Cina yang mengusahakan perdagangan tinggal di bandar-bandar, sementara masyarakat bumiputra Islam dan

bukan Islam yang menjalankan kegiatan pertanian tinggal di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.

Untuk melahirkan pelajar yang benar-benar sempurna dalam penguasaan akademik, penglibatan Kokurikulum sehingga kepada mengamalkan nilai-nilai yang baik bukanlah satu tugas mudah boleh dilaksanakan dalam waktu yang singkat. Pelajar perlu melalui pelbagai pengalaman sebelum mereka benar-benar dapat menguasai kesemua aspek pembelajaran samada pembelajaran secara formal atau pembelajaran bukan formal. Pengalaman yang mereka lalui dalam satu tempoh masa yang singkat sebahagian daripada proses yang menjadikan mereka semakin matang dan dewasa. Proses perkembangan yang pelajar lalui perlu diberikan pengalaman yang dapat membantu perkembangan secara positif.

Orentasi pendidikan pada masa ini lebih memberi tumpuan kepada pembelajaran berdasarkan kepada pencapaian peperiksaan (*examination oriented*). Kejayaan dan kegagalan pembelajaran pelajar dinilai berdasarkan kemampuan pencapaian pelajar dalam peperiksaan yang mereka duduki. Walaupun pada dasarnya falsafah pendidikan yang direka bentuk bertujuan melahirkan pelajar yang seimbang daripada semua sudut tetapi pelaksanaan untuk mencapai semua objektif yang digariskan dalam rekabentuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan lebih kepada hasrat untuk mencapai kejayaan akademik sahaja. Lantaran daripada itu orientasi pembelajaran murid lebih menumpukan kepada pencapaian akademik sahaja samada pelajar suka ataupun tidak suka.

Pada zaman ini persekitaran pelajar yang dapat membantu proses perkembangan sahsiah yang positif menjadi semakin sempit khususnya pelajar-pelajar yang bersekolah di bandar-bandar. Persekitaran yang mereka ada hanyalah persekitaran

sekolah dan persekitaran rumah. Ruang yang sepatutnya diberikan kepada mereka untuk perkembangan sahsiah ke tahap yang optimum tidak dapat disediakan oleh institusi keluarga. Gaya hidup masyarakat bandar sudah semakin berubah, ibu bapa sibuk dengan kerjaya masing-masing. Faktor Kerjaya dan faktor memperkukuh taraf sosio ekonomi adalah aktiviti yang menjadikan ibu bapa sibuk. Ibu bapa seakan-akan tidak mempunyai masa yang cukup untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Kalau adapun hanyalah aktiviti-aktiviti formal yang tidak dapat disertai oleh golongan remaja. Bermula daripada kesibukan ibubapa inilah menjadi punca kepada institusi kemasyarakatan kurang dalam membantu perkembangan sahsiah pelajar. Di luar daripada persekitaran rumah dan sekolah adalah persekitaran yang bebas tanpa kawalan dan ini adalah penyumbang kepada perkembangan sahsiah yang negatif di kalangan pelajar.

Dalam era pembangunan fizikal dan meterial yang pesat remaja di bandar-bandar suka kepada pergaulan bebas tanpa kawalan daripada ibubapa. Kecenderungan mereka menyukai budaya bebas ini adalah kerana keseronokan yang mereka peroleh dapat mengembirakan mereka. Di kalangan remaja sendiri tidak mempunyai pengetahuan yang cukup terhadap risiko yang terdedah kepada mereka di luar daripada institusi keluarga dan sekolah. Secara nalurinya remaja suka meneroka pengalaman-pengalaman baru khususnya pengalaman-pengalaman yang menyeronokan. Kebanyakan persekitaran yang menyeronokkan kepada remaja adalah persekitaran yang tidak terdapat kawalan ibubapa. Persekitaran yang bebas inilah merupakan ancaman kepada pembentukan sahsiah yang baik di kalangan remaja.

Pada zaman ini kepesatan perkembangan teknologi maklumat (*Information technology*) adalah sebahagian daripada kehidupan masyarakat. Orentasi kehidupan masyarakat bandar banyak di dominasi oleh perkembangan teknologi semasa. Rata-rata masyarakat bandar berbangga dengan keupayaan memiliki dan menggunakan teknologi yang canggih. Ledakan teknologi komputer dan elektronik menjadikan kehidupan manusia tidak lagi mempunyai sempadan, dan bagi remaja penerokaan boleh dilakukan dengan sepuas-puasnya. Remaja boleh memperolehi apa sahaja yang dihidangkan dalam internet dengan kos yang paling minima. Istilah langit terbuka membolehkan remaja memperoleh sumber keseronokan yang sukar untuk dibataskan.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah disiplin yang ditimbulkan oleh pelajar pada masa kini amat mencabar kewibawaan guru. Semakin hari semakin banyak isu disiplin pelajar yang diperkatakan. Pelajar hari ini semakin berani dan tidak lagi segan silu membuat salahlaku disiplin secara terang terangan. Malah soal moral dan etika sebagai seorang pelajar yang mempunyai ketatasusilaan ditekankan. Pegangan agama dan nilai-nilai kesopanan diletakkan di belakang. Peraturan dan undang-undang yang digariskan kepada pelajar tidak dipatuhi oleh sebilangan pelajar, terutamanya pelajar bermasalah disiplin.

Banyak salahlaku disiplin pelajar yang berlaku pada hari ini dikenalpasti berpunca daripada pelbagai sebab yang mempengaruhinya, dan apabila ianya terjadi, Seringkali pentadbir dan guru dipersalahkan. Pihak luar akan menuding jari dan meletakkan kepincangan tersebut di bahu pentadbir dan guru sekolah kerana kegagalan mereka membentuk tingkahlaku yang baik di kalangan pelajar. Di peringkat sekolah PK HEM

adalah individu yang diberi tanggungjawab menguruskan disiplin pelajar. Sebuah Jawatankuasa Pengurusan diwujudkan bagi melicinkan pengurusan yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Jawatankuasa Pengurusan ini terdiri daripada kalangan guru yang di lantik berdasarkan keupayaan mereka membentuk disiplin pelajar.

Pengurusan disiplin pelajar di peringkat sekolah menengah mempunyai cabarannya tersendiri di mana pelajar-pelajarnya adalah terdiri daripada kalangan remaja. Daripada sudut psikologi biasanya remaja mengalami proses pertumbuhan fizikal yang pesat, dan mereka tidak mempunyai kestabilan emosi. Menurut pandangan mereka lagi, bahawa ketidakstabilan emosi ini amat berpengaruh terhadap amalan tingkahlaku mereka.

Kejayaan dan kegagalan pengurusan disiplin di peringkat sekolah akan mempengaruhi pembentukan tingkahlaku pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Penyelidik menggariskan 3 objektif yang hendak dicapai dalam kajian yang dijalankan. Antara objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut

1. Menenal pasti hubungan peranan PK HEM dalam pengurusan disiplin terhadap pembentukan disiplin Pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Kota Kinabalu.
2. Menenal pasti hubungan Jawatankuasa Pengurusan Disiplin terhadap pembentukan disiplin pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah daerah Kota Kinabalu.

3. Mengenalpasti pengaruh di antara peranan PK HEM dengan Jawatankuasa Pengurusan Disiplin terhadap pembentukan disiplin pelajar di Sekolah-Sekolah Menengah daerah Kota Kinabalu

1.5 Soalan Kajian

Penyelidik menyenaraikan 3 soalan kajian dalam penyelidikan yang dijalankan. Antara soalan-soalan kajian dalam dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut;

1. Adakah terdapat hubungan peranan PK HEM dalam pengurusan disiplin terhadap pembentukan disiplin pelajar Tingkatan Lima Sekolah-sekolah Menengah daerah Kota kinabalu.
2. Adakah terdapat hubungan peranan Jawatankuasa Pengurusan Disiplin terhadap pembentukan disiplin pelajar Tingkatan Lima sekolah-sekolah Menengah daerah Kota Kinabalu.
3. Adakah terdapat pengaruh di antara PK HEM dengan Jawatankuasa Pengurusan Disiplin terhadap pembentukan disiplin pelajar Tingkata Lima Sekolah-sekolah Menengah daerah Kota kinabalu

1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat 3 hopotesis nol yang disenaraikan dalam kajian ini. Antara hipotesis berkenaan adalah seperti berikut ;

- Ho 1 Tidak terdapat hubungan signifikan antara peranan PK HEM dalam pengurusan disiplin dengan pembentukan disiplin di kalangan pelajar tingkatan lima
- Ho 2 Tidak terdapat hubungan signifikan antara peranan Jawatankuasa Pengurusan Disiplin dengan pembentukan disiplin di kalangan pelajar tingkatan lima
- Ho 3 Tidak terdapat pengaruh signifikan peranan PK HEM dan Jawatankuasa pengurusan Disiplin terhadap pembentukan disiplin di kalangan pelajar tingkatan lima

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini dapat memberi garis panduan kepada Guru khususnya yang terlibat dengan Jawatankuasa pengurusan disiplin pelajar bagaimana hendak memberi peranan dalam Pengurusan Disiplin. Juga sebagai pengetahuan kepada Jawatankuasa Pengurusan disiplin pelajar bagaimana hendak berfungsi dengan berkesan dalam pengurusan disiplin. Melalui hasil dapatan kajian ini guru-guru yang tidak terlibat secara langsung dalam pengurusan disiplin pelajar sebenarnya boleh memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk untuk mempertingkatkan mutu tingkahlaku pelajar.

Kajian ini juga akan menjadi bahan sokongan kepada Guru Kanan yang menjawat jawatan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) di sekolah-sekolah untuk merangka dan merancang strategi pentadbiran yang berkaitan dengan pengurusan pelajar supaya lebih mantap. Dapatan-dapatan kajian akan dapat membantu pentadbiran HEM mengemaskinikan lagi susun atur pengurusan pelajar di sekolah-

sekolah. Hasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah cemerlang akan dapat dicapai. Walaupun pada dasarnya pencapaian akademik itu penting, namun pelajar perlu dilengkapi dengan perlakuan dan sahsiah yang sempurna. Tidak dapat dinafikan bahawa kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik perlu dilengkapi dengan sahsiah yang sempurna.

Dapatan Kajian ini juga kelak akan dapat membuka minda guru-guru lain yang tidak terlibat dalam pengurusan pelajar agar menjadikan pengajaran dan pembelajaran mereka lebih berkesan. Mencontohi cara dan pendekatan yang digunakan PK HEM dan Guru-Guru Disiplin dalam mendisiplinkan pelajar merupakan cara istimewa yang boleh diaplikasikan oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka di bilik darjah. Tidak terdapat pedagogi khusus yang boleh dirujuk untuk mendisiplinkan pelajar tetapi sekurang-kurangnya kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh PK HEM dan guru-guru disiplin dalam menguruskan disiplin pelajar dapat dicontohi.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ilmiah ini cuba melihat sejauhmana pengaruh PK HEM sebagai pentadbir dan guru-guru yang diberi tanggungjawab dalam Jawatankuasa Pengurusan Disiplin bagi menguruskan disiplin pelajar terhadap pembentukan disiplin di kalangan pelajar. Ianya tidak memberi gambaran terhadap pembentukan disiplin dan amalan tingkahlaku pelajar secara menyeluruh. Pengaruh-pengaruh lain yang menyumbang terhadap pembentukan disiplin pelajar secara menyeluruh seperti faktor persekitaran dan faktor-faktor yang berkaitan dengan institusi keluarga tidak akan diambil kira dalam kajian ini. Sampel yang

terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar yang sedang menuntut di tingkatan 5. Tempat kajian pula adalah di sekolah yang terdapat PK HEM yang telah bertugas tidak kurang 24 bulan menjawat jawatannya di sekolah tersebut. Manakala Jawatankuasa disiplin yang dibentuk telah diketuai oleh guru yang telah mengetuai Jawatankuasa tersebut tidak kurang daripada 24 bulan. Kesemua limitasi ini akan dapat membantu kajian ini memberi gambaran yang tepat terhadap kajian yang dilakukan. Kajian akan menjadi lebih relevan. Kesilapan perolehan data yang dikumpul dapat diminimumkan.

1.9 Definisi Operasional

Dalam penyelidikan ini perkara yang menjadi fokus kajian ialah pembentukan tingkahlaku di kalangan pelajar tingkatan lima sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Pembentukan tingkahlaku (*Behavior Constructive*) adalah satu proses perlakuan di kalangan sampel yang berlaku secara perkembangan melalui pengalaman yang dilalui. Amalan tingkahlaku ini terbentuk melalui pengetahuan dan pengalaman yang diberikan kepada mereka.

PK HEM dan Jawatankuasa Pengurusan Disiplin adalah organisasi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan disiplin pelajar. Mereka lebih rapat kepada pelajar dalam urusan pentadbiran disiplin. Mereka adalah antara agen penting mencorakkan tingkahlaku pelajar di persekitaran mereka.

1.9.1 PK HEM (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid)

Di sekolah dengan adanya peraturan 4, dalam peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959, (dalam Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988) Guru Besar adalah orang yang bertanggung jawab ke atas disiplin sekolah dan bagi maksud tersebut Guru Besar mempunyai kuasa ke atas guru-guru dan murid di sekolah itu. Walau bagaimanapun di bawah peruntukan itu Guru Besar diperuntukan untuk menurunkan kuasa disiplin dan kuasa mengenakan hukuman kepada guru lain atau murid-murid yang ditetapkan olehnya. Bagi maksud itu dan dalam menurunkan kuasa itu tertakluk kepada syarat-syarat atau had-had yang di fikirkan patut.

Di samping Guru Besar mempunyai kuasa disiplin bagi menjaga disiplin sekolah, Pendaftar sekolah atau Pendaftar Besar juga diberi kuasa bagi menjaga disiplin di sekolah-sekolah. Apabila menerima perintah bertulis samada daripada pendaftar sekolah atau pendaftar besar, Guru Besar di bawah kuasa yang diberi di bawah peraturan oleh peraturan 6 dalam Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah, 1959), hendaklah segera mematuhi perintah itu.

Menurut (Ayob Jantan, 2004) mengurus hal ehwal murid dapat ditakrifkan sebagai mengendalikan sumber sama ada manusia atau fizikal untuk mencapai matlamat dan objektif yang memuaskan PK HEM (Penolong Kanan Hal Ehwal Murid) merupakan satu jawatan yang diwujudkan khusus bagi membantu Pengetua dalam perkara yang berkaitan dengan hal-hal pelajar. Jawatan ini merupakan jawatan yang disandang oleh Guru Kanan yang telah berkhidmat dalam satu tempoh tertentu yang membolehkan beliau di lantik ke jawatan kanan. Guru ini mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam urusan yang berkaitan dengan pentadbiran pelajar.